

JUDUL DAN BLURB BUKU ILMIAH

Sharil Nizam Sha'ri (Ph.D)¹
Akmar Hayati Ahmad Ghazali (Ph.D)²
Mohamad Suhaizi Suhaimi³
Mohd Hazreen Shah Bin Hassan⁴
Universiti Putra Malaysia

Norul Haida Redzuan (Ph.D)⁵
Universiti Pendidikan Sultan Idris

ABSTRAK

Penerbitan buku ilmiah mempunyai tanggungjawab untuk menyebarkan pengetahuan kepada masyarakat dan mempertingkatkan kesedaran seseorang ahli akademik, bukannya untuk mengutamakan keuntungan wang ringgit. Justeru, pembinaan judul atau tajuk buku ilmiah dan fakta utama yang menjadi 'buah fikiran' utama seseorang pengarang menjurus kepada tajuk, hendaklah yang jitu serta mantap untuk diterima oleh masyarakat atau pembaca. Dalam aspek penerbitan buku, blurb turut diberikan penekanan kerana penulisan ringkas dan padat tentang buku yang terletak di bahagian kulit belakang ini membantu proses pemahaman oleh pembaca terhadap buku ilmiah yang dibaca oleh mereka. Dalam kajian ini, sebanyak 10 buku ilmiah iaitu lima buku ilmiah pada tahun 2016 dan 2015 dipilih secara rawak dan analisis teks dilakukan untuk meneliti dan menganalisis pembinaan judul dan ilustrasi dalam buku tersebut. Buku terbitan Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih kerana Penerbit UPM antara penerbit di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) yang mempunyai sistem pengurusan kualiti (ISO) yang khusus iaitu Prosedur Pengurusan Penerbitan Buku Ilmiah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa judul setiap buku ilmiah yang diterbitkan hendaklah jelas, mudah dan jitu untuk menarik perhatian pembaca dan menterjemahkan setiap bab yang terkandung sebagai sumber ilmu kepada pembacanya. Diikuti, penulisan blurb yang baik dan berkesan dapat menyampaikan inti pati kandungan buku ilmiah kepada pembaca dengan jelas. Judul dan blurb hendaklah dikuasai oleh seseorang pengarang untuk memastikan buku ilmiah boleh diterima dalam pasaran.

Kata Kunci: *judul, blurb, penerbit, buku ilmiah*

¹ Universiti Putra Malaysia, sharil@upm.edu.my

² Universiti Putra Malaysia, akmar@upm.edu.my

³ Universiti Putra Malaysia, suhaizisuhaimi@yahoo.com

⁴ Universiti Putra Malaysia, hazreen_92@Rocketmail.Com

⁵ Universiti Pendidikan Sultan Idris, nur_upsi@yahoo.com

PENGENALAN

Buku ilmiah yang diterbitkan bukan sekadar melalui proses pewasitan daripada pewasit yang berwibawa, semakan proof sebanyak 3 (tiga) kali serta memerlukan elemen reka bentuk dan reka letak yang terbaik, bahkan memerlukan pembinaan judul dan penulisan blurb yang menarik dan berkesan untuk dibaca oleh masyarakat. Proses penerbitan buku ilmiah turut memberi tumpuan terhadap pembinaan judul yang berkesan dan penulisan blurb yang terletak di bahagian kulit belakang sebagai bahagian utama sesebuah buku yang berkualiti untuk mempengaruhi pembaca untuk membeli dan menelaah buku ilmiah.

Kajian ini dijalankan dengan objektif untuk mengenal pasti aspek pembinaan judul dan blurb dan membincangkan pembinaan judul dan blurb buku ilmiah yang diterbitkan oleh Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor. Seterusnya, pengarang tidak mengetahui bahawa judul sesebuah buku ilmiah mempunyai kekuatan untuk menyebabkan masyarakat untuk membeli dan membaca buku mereka setelah dipasarkan sehinggakan adanya judul buku yang klise atau yang sudah biasa ada di pasaran. Padahal, masyarakat atau pembaca mengkehendaki buku yang berkualiti, baharu dan sesuatu yang berbeza daripada buku yang ada di pasaran. Hal ini diakui dengan matlamat keempat Dasar Buku Negara (1992), iaitu untuk memastikan supaya semua buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik dari segi isi dan juga dari segi bentuk fizikalnya. Hal ini sebenarnya amat penting dan perlu diberi perhatian, terutama oleh penerbit-penerbit universiti awam yang sering menekankan aspek kandungan sebagai faktor utama dalam penerbitannya.

Selain itu, pembaca atau masyarakat tidak mementingkan manfaat dan fungsi blurb atau bahagian ringkasan sesebuah buku yang ditulis di bahagian belakang kulit buku sehingga membeli buku secara terburu-buru tanpa membaca bahagian ini dengan jelas. Hal ini diakui oleh Zulkifli Abd. Latiff (2012), masalah penerbitan ilmiah termasuklah dasar yang menjadi cabaran kepada penerbit-penerbit universiti, cabaran organisasi yang merangkumi sumber-sumber penerbitan, cabaran terhadap proses penerbitan, dan cabaran produk kepada pengguna akhir, iaitu pembaca.

Judul dan blurb buku ilmiah mempunyai manfaat dalam kajian untuk didedahkan kepada masyarakat yang secara langsung dapat menggalakkan budaya menulis dalam kalangan akademik dan memupuk budaya membaca dalam kalangan masyarakat yang bukan hanya bertujuan untuk lulus dalam peperiksaan.

DATA KAJIAN

Kajian berkaitan judul dan blurb ini menetapkan sebanyak 4 (empat) buku ilmiah bidang sains sosial pada tahun 2014 dan 2015 yang diterbitkan oleh Penerbit UPM. Pemilihan buku ini dibuat berdasarkan tahun terbitannya dan mengkaji aspek judul (tajuk) dan blurb sahaja. Aspek ilustrasi kulit buku, warna, pilihan fon, saiz dan struktur luaran kulit buku tidak diteliti bagi kajian ini.

Jadual 1: Buku ilmiah terbitan Penerbit UPM pada 2014 dan 2015 yang dipilih menjadi data kajian

Terbitan 2015	Terbitan 2014
1) <i>Hang Tuah Catatan Okinawa</i> (kulit lembut) ISBN : 978 967 344 477 9 Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin	1) <i>Konsep Rentan kepada Kemiskinan</i> ISBN : 978 967 344 440 3 Laily Paim
2) <i>Hassan Ahmad: Wira Bahasa yang Berwibawa</i> ISBN : 978-967-344-463-2 Raja Masittah Raja Ariffin	2) <i>Kemahiran Mengarang Bahasa Arab: Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab (Siri 2)</i> ISBN : 978 967 344 437 3 Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohamad & Mohd Zaki Abd Rahman
3) <i>Masjid Pascamoden Malaysia</i> ISBN : 978 967 344 462 5 Nangkula Utaberta & Aisyah Nur Handryant	3) <i>Kaunseling untuk Siapa?</i> ISBN : 978 967 344 429 8 Haji Jamaludin Haji Ahmad
4) <i>Teknik Belajar Menulis & Membaca Bahasa Thai</i> ISBN : 978 967 344 493 9 Norizan Che Su	4) <i>Kaedah Penyelidikan Kualitatif</i> ISBN: 978 967 344 394 9 Haliza Mohd Riji & Sahmsuddin Ahmad

Berdasarkan Jadual 1.1 didapati 4 buku ilmiah bidang sosial pada tahun 2015 dan 2014 dalam bahasa Melayu dikaji secara analisis teks untuk meneliti aspek judul dan blurb buku tersebut. Dalam kajian ini, didapati bahawa Jadual 1.1 menunjukkan buku yang dikaji meliputi perspektif yang luas dan mempunyai cabang ilmu pengetahuan yang menyeluruh dan mempunyai golongan sasaran pembaca tertentu. Hal ini sesuai dengan matlamat utama penerbitan buku ilmiah untuk menyebarkan kesedaran atau pengetahuan kepada masyarakat, bukannya mengutamakan keuntungan wang ringgit semata-mata.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian berkaitan pembinaan judul dan blurb buku ilmiah berdasarkan lapan buku yang dikaji secara analisis teks.

JUDUL

Penelitian terhadap judul bagi 8 buku ilmiah menunjukkan bahawa pembinaannya berdasarkan buku ilmiah mempunyai judul yang jelas dan padat, tidak menggunakan unsur lewah dalam membina tajuk seperti kata ganda, kata hubung dan kata sama makna, tajuk yang menggambarkan secara jelas dan langsung berkaitan perkara utama dan sampingan yang diangkat dalam buku tersebut dan pemilihan kata dalam membentuk judul mempunyai kesan positif kepada pembaca atau masyarakat.

Jadual 2: Judul Buku ilmiah dan huraianya

Judul	Huraian
1) <i>Hang Tuah Catatan Okinawa</i>	jelas dan padat, mencetuskan fenomena
2) <i>Hassan Ahmad: Wira Bahasa yang Berwibawa</i>	jelas padat, memberitahu, menunjukkan personaliti
3) <i>Masjid Pascamoden Malaysia</i>	gugur imbuhan, jelas dan padat, menunjukkan bidang khusus
4) <i>Teknik Belajar Menulis & Membaca Bahasa Thai</i>	Jelas dan padat, fokus kepada bidang
5) <i>Konsep Rentan kepada Kemiskinan</i>	Menggunakan istilah, memberi ilmu baharu, bidang khusus
6) <i>Kemahiran Mengarang Bahasa Arab: Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab (Siri 2)</i>	Jelas dan padat, fokus kepada bidang
7) <i>Kaunseling untuk Siapa?</i>	Berbentuk ayat tanya, menarik perhatian, 'catchy' atau memikat, jelas dan bersifat umum
8) <i>Kaedah Penyelidikan Kualitatif</i>	jelas dan padat, fokus kepada bidang

Jadual 2 menunjukkan bahawa huraian terhadap judul buku ilmiah yang dikaji mempunyai ciri-ciri tertentu dan jelas membuktikan idea daripada pengarang diolah menjadi judul yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penerbitan di Penerbit UPM. Selain itu, judul yang relevan dan boleh dipasarkan ini dapat menarik perhatian untuk dibeli oleh kumpulan sasaran. Proses dan pertimbangan judul ini juga menepati penetapan judul gaya penerbitan UPM yang diterbitkan dalam arahan kerja Prosedur Penerbitan Buku Ilmiah Penerbit UPM.

BLURB

Blurb pula bukan sekadar teks ringkas yang merujuk intipati buku ilmiah, lebih berfungsi untuk menunjukkan bahawa buku ilmiah mempunyai daya tarikan untuk dibaca oleh kumpulan sasarannya. Blurb menjadi prabacaan kepada buku ilmiah yang sarat dengan kandungan ilmiah. Blurb juga dihasilkan dengan menepati jenis buku dan tema penulisan buku ilmiah tersebut.

Berdasarkan penelitian terhadap blurb, didapati bahawa blurb hendaklah ditulis atau dihasilkan sendiri oleh pengarang buku berkenaan, bukannya editor atau pegawai penerbitan yang menguruskan proses penerbitan buku tersebut.

Seterusnya, blurb hendaklah ditulis dengan ringkas, padat dan berkesan. Di samping, memerlukan kemahiran bahasa yang dapat 'menyajikan' isi dalaman buku tersebut kepada pembaca yang dapat menjadi bahan bacaan atau rujukan mereka. Fakta dalam blurb bukan sekadar rumusan atau ringkasan semata-mata, tetapi adalah 'nadi ilmu' daripada teks atau buku ilmiah tersebut.

Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa blurb yang baik mengandungi intipati atau ilmu utama daripada buku ilmiah tersebut, fokus kepada kumpulan sasaran pembacanya dan sedikit latar belakang pengarangnya. Kebiasaannya, blurb boleh dibaca 1-2 minit, sebagai daya tarikan pembaca daripada pelbagai latar belakang untuk membeli dan membaca buku tersebut.

Jadual 3: Blurb buku ilmiah terbitan 2015

Judul	Huraian
1) <i>Hang Tuah Catatan Okinawa</i>	mempunyai 6 ayat memberi realiti berdasarkan bukti dan sejarah tentang Hang Tuah dan kerajaan Melaka dengan Okinawa.
2) <i>Hassan Ahmad: Wira Bahasa yang Berwibawa</i>	-
3) <i>Masjid Pascamoden Malaysia</i>	mengandungi 6 ayat memberi definisi seni bina pasca moden memberitahu ada 7 bab memberitahu kumpulan pembaca
4) <i>Teknik Belajar Menulis & Membaca Bahasa Thai</i>	mempunyai 6 ayat memberitahu kelebihan buku menjelaskan tujuan penghasilan buku memberitahu aspek yang dihurai merujuk kepada kumpulan sasarannya

Jadual 3 dan 4 menunjukkan bahawa terdapat penggunaan blurb yang tersendiri berdasarkan judul yang berbeza-beza. Kebiasaannya, penulisan blurb menonjolkan intipati buku yang dihasilkan, memberitahu sub atau bab-bab yang terkandung secara umum dengan ringkas dan menarik, dan memberitahu kumpulan sasaran yang menjadi pembaca buku ini. Seterusnya, ada beberapa ayat yang memberitahu latar belakang pengarang untuk dikenali oleh pembaca. Kesemua struktur penulisan blurb ini membentuk penulisan yang jitu dan berkualiti untuk melariskan buku ilmiah kepada masyarakat.

Jadual 4: Blurb buku ilmiah terbitan 2014

Judul	Huraian
5) <i>Konsep Rentan kepada Kemiskinan</i>	mempunyai 7 ayat memberi definisi konsep rentan memberi data primer dan sekunder
6) <i>Kemahiran Mengarang Bahasa Arab: Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab (Siri 2)</i>	mempunyai 2 ayat menjelaskan tujuan penghasilan buku memberitahu aspek yang dihurai
7) <i>Kaunseling untuk Siapa?</i>	mempunyai 3 ayat menjelaskan tujuan penghasilan buku memberitahu aspek yang dihurai
8) <i>Kaedah Penyelidikan Kualitatif</i>	mempunyai 2 ayat memperihai fokus bab

Selaras dengan matlamat keempat Dasar Buku Negara (1992), iaitu untuk memastikan supaya semua buku yang diterbitkan di negara ini mencapai mutu yang baik dari segi isi dan juga dari segi bentuk fizikalnya. Hal ini sebenarnya amat penting dan perlu diberi perhatian, terutama oleh penerbit-penerbit universiti awam yang sering menekankan aspek kandungan sebagai faktor utama dalam penerbitannya

KESIMPULAN

Pembinaan judul bagi buku ilmiah adalah hampir sama dengan semua jenis buku kerana memerlukan aspek bahasa yang ringkas, mantap, teliti, boleh mempengaruhi pembaca untuk membelinya dan memberi gambaran awal tentang isi kandungan utama buku tersebut kepada pembaca yang meminati genre buku yang dicari-cari selama ini. Terdapat beberapa panduan yang dikeluarkan oleh Penerbit UPM untuk memastikan pembinaan judul yang dibuat adalah terbaik dan berkesan yang diamalkan oleh pengarang. Tidak dinafikan juga, aspek penulisan blurb juga memainkan peranan penting dalam penerbitan buku kerana menjadi langkah pertama untuk membaca dan menilai buku ilmiah yang sesuai untuk dibeli oleh pembaca yang bijak. Biasanya, blurb ditulis oleh pengarangnya sendiri dan menjadi medan intipati atau kandungan utama buku tersebut untuk dibaca oleh pembaca dan dapat menjadi tarikan utama untuk laris dalam pasaran. Blurb juga mempunyai beberapa panduan untuk menuliskannya dengan berkesan, supaya buku yang dihasilkan dapat diterima oleh masyarakat.

BIBLIOGRAFI

- Abu Bakar Maidin, Mazni Md Yusof, Shamsudin Ibrahim, Rohalia Mohd Rohani, Nor Hamsiah Ahmad Hosaini. 2010. *Kajian Bibliometrik Terhadap Penerbitan Makalah Terindeks Universiti Kebangsaan Malaysia*. Bangi: Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohamad & Mohd Zaki Abd Rahman. 2014. *Kemahiran Mengarang Bahasa Arab: Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab (Siri 2)*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Haji Jamaludin Haji Ahmad. 2014. *Kaunseling untuk Siapa?*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad. 2014. *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin. 2015. *Hang Tuah Catatan Okinawa*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Laily Paim. 2015. *Konsep Rentan kepada Kemiskinan*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Raja Masittah Raja Ariffin. 2015. *Hassan Ahmad: Wira Bahasa yang Berwibawa*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Nangkula Utberta & Aisyah Nur Handryant. 2015. *Masjid Pascamoden Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norizan Che Su. 2015. *Teknik Belajar Menulis & Membaca Bahasa Thai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Yahya, Maizatul Azura & Mohd Hadza @ Othman, Mohd Baharudin (2005) *Persepsi dan amalan pemasaran online oleh penerbit IPTA di Malaysia*. In: Seminar Kebangsaan Komunikasi ke-2, 18-19 Disember 2004, Hotel City Bayview, Langkawi. (Unpublished)

Zulkifli Abd.Latiff. 2012. Dasar dan cabaran penerbitan ilmiah dari perspektif pengamal penerbitan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia Malaysian*. Vol. 14, No. 2, Pages 39–54.

LAMPIRAN

Blurb buku yang dikaji

HANG TUAH CATATAN OKINAWA

Hashim Musa & Rohaidah Kamaruddin

Pembongkaran tentang kewujudan Laksamana Hang Tuah semasa kegemilangan Empayar Melaka dihuraikan secara terperinci di dalam buku Hang Tuah: Catatan Okinawa ini. Pembuktian ini adalah hasil daripada kajian pengarang yang dijalankan di Okinawa dengan bantuan Kementerian Pendidikan Jepun. Catatan Empayar Ryuku (Okinawa) dan penemuan arkeologi membuktikan bahawa Hang Tuah wujud. Hubungan diplomatik antara Empayar Melaka dengan Empayar Ryuku jelas tercatat di dalam Rekidai Hoan- sebuah dokumen sejarah yang diperakui kesahihan oleh para sarjana. Dicatatkan juga bahawa Laksamana Hang Tuah adalah diplomat Empayar Melaka ke India, Turki dan Patani. Pengaruh dan kekuatannya diperakui pelbagai pihak seantero dunia. Penerbitan ini tidak semata-mata bersandarkan buku Hikayat hang Tuan dan sejarah tempatan, sebaliknya berdasarkan catatan sahih Empayar Ryuku yang kini dikenali sebagai Okinawa.

KAEDAH PENYELIDIKAN KUALITATIF

Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad

Edisi ketiga Kaedah Penyelidikan Kualitatif menghuraikan proses penyelidikan dari peringkat awal hingga akhir dan berhubung kait dengan perbincangan teori dan filosofi yang merangkumi penyelidikan. Teks yang popular dan mudah diakses ini:

- Membincangkan isu metodologi dan merincikan cara teknik penyelidikan kualitatif;
- Mengambil contoh dari Australiadan antarabangsa untuk menghuraikan pelbagai kaedah;
- Memasukkan dua bab baharu iaitu berkenaan penyelidikan kajian kes kualitatif dan penyelidikan teori asas/ dasar.
- Mempunyai bab yang dikembangkan berkaitan ketepatan dan etika;
- Membangunkan bab popular berkenaan penyelidikan siber dan penyelidikan dengan kumpulan yang lemah;
- Memasukkan bab praktikal berkenaan penulisan cadangan penyelidikan dan laporan;
- Membincangkan hala tuju baharu dalam penyelidikan kualitatif.

KAUNSELING UNTUK SIAPA?

Haji Jamaludin Haji Ahmad

Kaunseling untuk Siapa? cuba memberi pelbagai panduan, bimbingan dan maklumat kepada masyarakat yang berminat untuk menerokai ilmu kaunseling. Melalui buku ini, pembaca memperoleh pelbagai ilmu berkaitan kaunseling dan seterusnya boleh mengamalkan sifat menolong di peringkat awal ke atas sesiapa sahaja yang memerlukannya seperti suami isteri, ibubapa, anak-anak, adik beradik, saudara mara, sahabat handai, jiran tetangga, masyarakat setempat malahan terhadap diri sendiri. Buku ini mengandungi tajuk-tajuk tertentu berkaitan kaunseling yang boleh memberi pelbagai input untuk tatapan pembaca.

**KEMAHIRAN MENGARANG BAHASA ARAB: PENGAJARAN &
PEMBELAJARAN
BAHASA ARAB (SIRI 2)**

Che Radiah Mezah, Norhayuza Mohamad & Mohd Zaki Abd Rahman

Buku ini diterbitkan bagi membantu para pelajar dan pengajar bahasa Arab untuk mempertingkatkan kemahiran penulisan dalam kalangan pelajar bahasa Arab, sama ada di peringkat rendah, menengah atau tinggi. Aspek yang dibincangkan dalam buku ini ialah pengenalan kepada kemahiran menulis, bentuk-bentuk latihan mengarang, penggunaan penanda wacana, teknik dan pendekatan pengajaran mengarang, meringkas karangan dan aspek penilaian terhadap karangan pelajar.

KONSEP RENTAN KEPADA KEMISKINAN

Laily Paim

Kerentanan ialah aspek berkaitan kemiskinan yang penting untuk mengenal pasti kecenderungan isi rumah untuk jatuh miskin. Adakalanya konsep kerentanan diasaskan kepada kotinum kualiti daya upaya seseorang individu atau sesebuah isi rumah dalam menghadapi risiko. Konsep kerentanan juga adakalanya dirujuk kepada satu titik masa hadapan. Memahami konsep dan pengukuran kerentanan sereta hubungannya dengan kemiskinan dapat membantu penggubal polisi dan pelaksana program mengenal pasti isi rumah miskin dengan lebih tepat. Bagi menghasilkan buku ini, sumber data primer dan sekunder digabungkan bagi memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada pembaca. Sumber data primer yang dirujuk adalah daripada kajian Indeks Kerentanan Isi Rumah yang dijalankan dalam kalangan isi rumah rentan di Selangor. Manakala sumber sekunder dibincangkan dengan merujuk kepada penyelidikan dan penulisan lalu yang berkaitan.

MASJID PASCAMODEN MALAYSIA

Nangkula Utaberta & Aisyah Nur Handryant

Seni bina Pascamoden ialah seni bina yang menghadirkan makna dan berusaha menyampaikan kepada pengguna. Gagasan pemabahasan tersebut pada asasnya merupakan salah satu tindak balas terhadap seni bina moden yang menjadikan bangunan seolah-olah jentera yang bersifat tunggal dan menjadi 'alien' bagi sekitarnya. Sejalan dengan hal tersebut, masjid sebagai manifestasi fizik ajaran Islam juga memiliki kepentingan spiritual yang perlu diambil kira dalam reka bentuknya.

Buku *Masjid Pascamoden Malaysiaini* adalah hasil kajian kualitatif-deskriptif enam buah masjid di Malaysia dengan metodologi analisis kandungan dan kajian kes. Buku ini mengandungi tujuh bab yang mencakupi pelbagai aspek dalam seni bina pascamoden serta pembahasan yang timbul dalam reka bentuk sesebuah masjid tersebut. Buku ini juga telah disesuaikan untuk dibaca oleh pelbagai lapisan masyarakat baik daripada penyelidik, arkitek, pensyarah, pelajar mahupun masyarakat umum yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam tentang seni bina pascamoden ini.

HASSAN AHMAD: WIRA BAHASA YANG BERWIBAWA
Raja Masittah Raja Ariffin

-

TEKNIK BELAJAR MENULIS & MEMBACA BAHASA THAI
Norizan Che Su

Buku *Teknik Belajar Menulis & Membaca Bahasa Thai* ini khusus untuk kegunaan pelajar yang ingin mempelajari kaedah membaca dan menulis dalam bahasa Thai dengan cara yang berkesan. Buku ini ditujukan kepada pelajar yang mengambil kursus Bahasa Thai sebagai bahasa kedua di institusi pengajian tinggi dan juga kepada sesiapa yang berminat mempelajari bahasa Thai. Susunan kandungannya yang sistematik membolehkan pelajar mempelajari dan menguasai bahasa Thai secara mudah dan ringkas. Semua aspek pengenalan bahasa Thai diberikan penerangan dan latihan yang sewajarnya. Buku ini mengandungi tujuh bab, iaitu Bab 1 hingga Bab 3 mengenali bentuk dan cara menulis konsonan, vokal dan nada dalam bahasa Thai, seterusnya Bab 4 tentang jenis dan bentuk suku kata dalam bahasa Thai, Bab 5 pembentukan suku kata, Bab 6 bentuk dan tulisan nombor Thai, dan Bab 7 kaedah membaca perkataan bahasa Thai. Terdapat juga ilustrasi untuk menambah kefahaman serta menarik minat pelajar dan juga disertakan latihan yang efektif bagi memantapkan penguasaan bahasa Thai.